

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN
(BORANG A – SEKSYEN 8)**

A. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 1. **Satu (1) Salinan Borang A yang telah lengkap diisi dan ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah / Majistret.**
- 2. **Bukti Kematian** – salinan sijil kematian / cabutan sijil kematian dari Jabatan Pendaftaran Negara / Permit Menguburkan / Surat sumpah oleh 2 orang saksi bebas yang menyaksikan kematian atau menghadiri perkebumian/ Perintah Anggapan Kematian dari Mahkamah Tinggi.
- 3. **Salinan Kad Pengenalan Pemohon diwajibkan** (salinan muka depan dan belakang)
- 4. **Salinan Kad Pengenalan Waris** (salinan muka depan dan belakang)/ **Sijil Kelahiran** (bagi waris yang berumur kurang dari 12 tahun)
- 5. Salinan Sijil Nikah / Sijil Perkahwinan simati –**jika ada**
- 6. Salinan sijil Pendaftaran/Pengangkatan Anak Angkat (**Bagi Bukan Islam, jika ada**)
- 7.(a) **Harta Tak Alih (Hakmilik/Geran)** - Sila dapatkan salinan yang diakui sah (CTC) / carian rasmi dari Pentadbir Tanah atau Pendaftar hakmilik bagi harta tak alih yang dituntut. **Kemukakan salinan asal CTC, carian rasmi bersama satu salinan yang telah difotostat. (Mengikut keperluan)**

ATAU

- (b) **Dua (2) Salinan Surat Perjanjian Jual Beli Harta yang dituntut/ rumah** – jika harta tersebut masih belum mempunyai hakmilik.
- 8. Salinan resit cukai tanah dan tahun semasa, **jika ada.**
- 9. Salinan resit cukai pintu (taksiran) tahun semasa bagi pemilikan untuk bangunan atau blok berbilang tingkat atau berbilang lapisan petak tanah.
- 10. Dokumen-dokumen yang terkini berkaitan dengan pemilikan harta alih simati (termasuk penyata akaun simpanan, salinan sijil saham, salinan hakmilik kenderaan dll harta alih, **jika ada**)
- 11. Salinan dokumen penyata hutang yang masih ditanggung oleh simati – **jika ada.**

B. SILA CATATKAN NO TELEFON UNTUK DIHUBUNGI DI SEBELAH KANAN BAHAGIAN ATAS BORANG A.

C. SEMUA DOKUMEN ASAL HENDAKLAH DIBAWA PADA HARI PEMBICARAAN YANG AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN DAN DIBERITAHU MELALUI NOTIS (PETISYEN DAN PENDENGARAN - SEKSYEN 9 AKTA 98)

D. **PERMOHONAN (BORANG A – SEKSYEN 8 AKTA 98) BOLEH DIFAILKAN DI PEJABAT TANAH / UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA BERDASARKAN DI DAERAH MANA HARTA TAK ALIH SIMATI TERLETAK.

E. SEKIRANYA PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA ALIH SIMATI PERNAH DIFAILKAN MELALUI AMANAHRAYA BERHAD, SILA KEMUKAKAN SALINAN AKUAN/ARAHAN OLEH AMANAHRAYA BERHAD (SEK 17(2) AKTA PERBADANAN AMANAH RAYA 1995)

F. PERMOHONAN JUGA BOLEH DIBUAT SECARA ONLINE DENGAN MELAYARI www.jkptg.gov.my . RUJUK RUANGAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN DI BAWAH CAPAIAN ORANG AWAM PILIH PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL, DAFTAR SEBAGAI PENGGUNA JKPTG ONLINE DAN IKUTI LANGKAH SETERUSNYA.